

Kejohanan Silat Antarabangsa platform asah bakat

KOSMO - 8/9/15 C M/S 60

KEMENTERIAN Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan kerjasama Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan menganjurkan Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri bagi edisi keenam pada 15 hingga 20 September ini.

Kejohanan selama enam hari yang akan berlangsung di Berjaya Megamall, Kuantan, Pahang itu berjaya menarik penyertaan sebanyak 59 pasukan dari beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara.

Setiausaha Bahagian Sukan Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Hazally Jali berkata, kejohanan tersebut bukan sahaja pertandingan semata-mata, namun ia turut dijadikan medan buat pesilat-pesilat dalam mempersiapkan diri untuk menghadapi Sukan Universiti ASEAN (AUG) di Singapura tahun depan.

Jelasnya, acara silat merupakan acara yang sering menjadi 'lubuk emas' buat kontinjen negara pada temasya sukan universiti berkenaan dan berazam menyumbang sebanyak mungkin pingat emas buat pasukan negara dalam usaha untuk

menjadi juara keseluruhan.

"Pada Sukan SEA di Singapura lalu, banyak kejayaan yang dicapai oleh skuad silat adalah menerusi pesilat-pesilat IPT, malah ada dalam kalangan mereka akan turut berentap pada kejohanan di Kuantan nanti.

"Kita akan ukur prestasi mereka pada kejohanan ini bagi memastikan kita mampu untuk tampil lebih cemerlang pada AUG di Singapura tahun depan selain kita turut menyasarkan Sukan SEA 2017 apabila Malaysia menjadi tuan rumah," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.



HAZALLY (belakang, dua dari kanan) menunjukkan Piala Timbalan Perdana Menteri sempena Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa di Kuantan, Pahang pertengahan bulan ini.